

24 AUG 2003

Sukan-MME/I

SIC AKAN JADIKAN MME PERLUMBAAN UTAMA ASIA

KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Sepang International Circuit Sdn Bhd (SIC) mahu menjadikan perlumbaan Merdeka Millineum Endurance (MME) sebagai acara permotoran utama di Asia.

Pengerusi SIC Datuk Mokhzani Mahathir berkata SIC akan berusaha mencari jalan bagi meningkatkan serta memperbaiki perlumbaan itu.

Ketika bercakap pada Karnival MME di Menara KL di sini hari ini, beliau berkata transformasi sudah wujud dan semakin menyerlah, namun masih ada banyak ruang untuk dilakukan bagi mewujudkan impak yang lebih besar untuk masyarakat permotoran Malaysia terutama di arena antarabangsa.

"Keutamaan SIC kini ialah menjadikan MME, acara yang diperkenalkan pada 2000, sebagai pemangkin bagi menghidupkan budaya permotoran dengan penyertaan yang lebih besar di kalangan pelumba," katanya.

Mokhzani berkata menerusi MME, SIC telah melahirkan banyak pasukan yang lebih terurus mengambil bahagian dan bagi MME kali ini, banyak pasukan mengisi borang tetapi SIC terikat dengan peraturan penyertaan maksimum.

Karnival itu disertai semua pemandu dan pasukan yang akan mengambil bahagian pada MME yang akan diadakan di SIC, 30 Ogos ini.

MME yang sudah menjadi acara permotoran terbesar di Malaysia, berjaya menarik peserta antarabangsa dari Jepun, Hong Kong, Australia, Singapura dan United Kingdom.

Sebanyak 92 pasukan dan 276 pemandu mendaftar untuk perlumbaan lasak 12 jam itu tetapi hanya 77 pasukan sahaja yang akan berlumba berdasarkan peraturan perlumbaan.

Pasukan yang layak akan ditentukan pada ujian masa kelayakan sehari sebelum perlumbaan sebenar.

-- BERNAMA

RAF SSA LAT